

D666

U B874 AAB
MAHATHIR - TUNKU R R R

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN AGAR BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI +ORANG TENGAH+ DALAM USAHA MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU YAKIN TUNKU DAPAT MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI ORANG TENGAH YANG TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA PIHAK +TETAPI HANYA KEPADA KESELURUHAN ORANG MELAYU DAN NEGARA MALAYSIA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, PERTEMUAN BELIAU DENGAN PENASIHAT PARTI SEMANGAT 46 ITU SABTU LEPAS, AKAN MEMBUKA PELUANG UNTUK PERBINCANGAN PADA MASA AKAN DATANG DALAM USAHA MENTENTERAMKAN LAGI KEADAAN POLITIK DI MALAYSIA, KHUSUSNYA DI KALANGAN ORANG MELAYU.

+INSYA-ALLAH PERJUANGAN UMNO UNTUK MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU AKAN BERHASIL DENGAN PERTOLONGAN BAPA KEMERDEKAAN DAN BAPA MALAYSIA, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ,+ KATANYA DALAM UCAPAN DASAR BERTEMAKAN +KEWIBAWAAN UMNO+ PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

TUNKU DAN SEORANG LAGI BEKAS PERDANA MENTERI DAN BEKAS PRESIDEN UMNO TUN HUSSEIN ONN TURUT HADIR SEBAGAI TETAMU ISTIMEWA PERHIMPUNAN.

SARANAN PERDANA MENTERI ITU DISAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH. SERAMAI 1,495 ANGGOTA PERWAKILAN DAN KIRA-KIRA 1,500 PEMERHATI MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU. -- LAGI.
1101MST 17 11 89

D668

U B875 AAB
MAHATHIR - TUNKU 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERTEMUANNYA DENGAN TUNKU MEMBERI PELUANG KEPADA BELIAU MENDENGAR PANDANGAN TUNKU MENGENAI PERPADUAN MELAYU DAN BERKENAAN KEDUDUKAN SERTA HAK KAUM-KAUM DI MALAYSIA.

+SAYA JUGA BERPELUANG MENJELASKAN SEDIKIT-SEBANYAK BERKENAAN DENGAN KEDUDUKAN UMNO SEKARANG DAN BAGAIMANA PARLIMEN TIDAK BERKUASA MEMBATALKAN HUKUMAN YANG TELAH DIBUAT OLEH MAHKAMAH,+ KATANYA.

MENGENAI PERTEMUAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA: +PADA 11 NOVEMBER, SAYA TELAH DITERIMA BERTEMU YANG TERAMAT MULIA TUNKU, YANG SAYA HORMATI SEBAGAI BEKAS PRESIDEN UMNO, SEBAGAI BEKAS PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG PERTAMA, SEBAGAI BAPA KEMERDEKAAN DAN BAPA MALAYSIA.

+SUDAH TENTU SAYA MENGHORMATI TUNKU SEBAGAI ORANG YANG LEBIH TUA DARIPADA SAYA, KERANA INI ADALAH ADAT BANGSA MELAYU, LEBIH-LEBIH LAGI TUNKU ADALAH DARIPADA KELUARGA DIRAJA NEGERI SAYA+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BARU-BARU INI PARA ANGGOTA UMNO TERPERANJAT DENGAN KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH TUNKU, SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG SEMANGAT 46, SUPAYA SEMUA ORANG MELAYU MENOLAK UMNO KERANA KONONNYA UMNO YANG ADA BUKANNYA UMNO ASAL. -- LAGI.

1103MST 17 11 89

D669

U B876 AAB
MAHATHIR - TUNKU 3 KUALA LUMPUR

+WALAUPUN PADA MULANYA RAMAI PEMIMPIN DAN ANGGOTA UMNO BERASA AMAT MARAH TETAPI KITA BERJAYA MEMBENDUNG RASA KECIL HATI KITA. SEBALIKNYA KITA BERTENANG DAN MENGAMBIL JALAN YANG LEBIH MATANG IAITU DENGAN CARA BERBINCANG DARI HATI KE HATI DENGAN YANG TERAMAT MULIA TUNKU SENDIRI,+ TAMBAHNYA.

MENURUTNYA, PEMUDA UMNO YANG BIASANYA LEKAS MARAH MENGAMBIL LANGKAH PERTAMA DI BAWAH PIMPINAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK UNTUK BERTEMU DAN BERBINCANG DENGAN TUNKU DALAM SUASANA YANG MUHIBAH.

KATANYA, WALAUPUN PERJUMPAAN ITU TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMNO DAN ORANG MELAYU, IA BERJAYA MENEROKA SATU PENDEKATAN YANG LEBIH WARAS.

PERGERAKAN ITU JUGA BERJAYA MENJELASKAN PENDIRIAN PEMUDA DAN UMNO MANAKALA TUNKU PULA DAPAT MENYAMPAIKAN NIAT DAN CITA-CITA BELIAU KEPADA PEMUDA, BERHUBUNG DENGAN PERPADUAN ORANG MELAYU DAN PERANAN YANG HARUS DIMAINKAN OLEH PEMUDA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA, SETELAH MENDENGAR LAPORAN PEMUDA MENGENAI PERTEMUAN ITU, MAJLIS TERTINGGI BERSETUJU SUPAYA WANITA UMNO TURUT BERJUMPA DENGAN TUNKU, YANG KEMUDIAN JUGA DIADAKAN DALAM SUASANA MUHIBAH. -- LAGI.

1107MST 17 11 89

D670

U B877 AAB
MAHATHIR - TUNKU 4 KUALA LUMPUR

KETIKA MENYENTUH MENGENAI KEMERDEKAAN NEGARA, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI USAHA TUNKU DAN MENYIFATKANNYA SEBAGAI SATU INISIATIF YANG LUAR BIASA.

+RAMAI YANG BERKATA (KETIKA ITU) INI ADALAH ANGAN-ANGAN BESAR TUNKU ABDUL RAHMAN YANG AKAN TINGGAL SEBAGAI ANGAN-ANGAN SAHAJA. TETAPI HARI INI KITA TAHU APA YANG DIKATAKAN ANGAN-ANGAN ITU SUDAH MENJADI KENYATAAN,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1108MST 17 11 89